

ROSHLAWATY RAEH roshlawaty@sinarharian.com.my

Ayam probiotik USM

Kolaborasi akademia-industri-komuniti teroka inovasi baharu

Kajian ayam probiotik, iaitu penyelidikan yang membolehkan ayam membesar menggunakan bahan makanan yang ditambah probiotik adalah antara kisah kejayaan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam memindahkan ilmu kepada komuniti.

Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr Omar Osman berkata, kejayaan projek penyelidikan yang dilakukan di Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI) itu melibatkan rangkaian kerjasama dengan pelbagai pihak iaitu ahli akademik, pengusaha ladang penternakan dan industri.

"Inilah juga untuk pertama kalinya usaha penyelidikan seperti ini dibuat di ladang ternakan ayam dan melibatkan penuntut ijazah pertama seramai lebih 30 orang," kata Omar.

Tambahnya lagi, kolaborasi akademia-industri-komuniti ini merupakan model kerjasama yang boleh dijadikan contoh dalam memacu kecemerlangan selari dengan agenda kelestarian universiti.

Bercakap mengengkerusikan sidang media khas projek USM-Industri-Komuniti: Kerjasama Ke Arah Hasil Berimpak Demi Kebaikan Masyarakat, di sini, beliau menjelaskan yang pihak universiti sentiasa memberi peluang kepada sivik



Dr Omar menunjukkan contoh gambar yang berkaitan dengan penggunaan probiotik terhadap ayam.



Min-Tze yang pernah menjadi *Penerima Anugerah L'Oreal Malaysia Fellowship untuk Wanita dalam Sains* tahun 2007 itu juga berkata, penggunaan probiotik turut dapat menentang bakteria tidak baik dalam usus dan mengekalkan kesihatan usus ayam daging.

"Penemuan ini sangat memberi manfaat kepada komuniti dalam usaha

namun masalah utamanya ialah kos yang tinggi berbanding dengan penggunaan antibiotik yang lebih murah. Probiotik yang digunakan dalam kajian ini ditaja oleh Probionik Corporation dari Korea Selatan yang dikatakan menggunakannya dalam pengeluaran kosmetik.

Projek ini turut membolehkan penternak memilih bahan makanan

peluang kepada siswa siswi untuk menerokai inovasi baharu dan projek ini juga jelas menunjukkan bahawa USM amat komited dalam membantu pihak industri dan komuniti setempat.

"Kerjasama yang berterusan dengan rakan kongsi industri dan masyarakat dalam bersama-sama melaksanakan pelbagai projek berasaskan komuniti, merupakan antara perkara yang sentiasa dititikberatkan oleh USM," ujarnya lagi.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Pejabat Kreativiti dan Pengurusan Penyelidikan (RCMO) USM, Profesor Dr Lee Keat Teong; Dekan PPTI, Profesor Dr Azhar Mat Easa dan Pengasas ProBionic Corporation, Profesor Dr Park Yong-Ha.

Sementara itu, penasihat program, Profesor Madya Dr Liong Min-Tze berkata, kajian tersebut dijalankan untuk tempoh

42 hari dengan mengambil 60 ekor ayam sebagai sampel di ladang Teroka Jaya, Balik Pulau, di sini.

"Dari analisis yang diperolehi, terbukti ayam yang dibesarkan dengan probiotik mempunyai pelbagai kelebihan termasuk lebih aktif dan sihat serta daging yang segar dan selamat dimakan," katanya.

Tambah beliau, penggunaan probiotik juga mampu mengurangkan kadar kematian sehingga 3 kali ganda berbanding penggunaan antibiotik, sekaligus dapat membantu penternak meningkatkan pengeluaran ternakan," katanya.

manfaat kepada komuniti dalam usaha semua pihak mengamalkan amalan pemakanan sihat, selain mendidik masyarakat supaya memilih makanan yang baik untuk kualiti hidup dan kekal sihat sepanjang usia," katanya.

Probiotik digunakan dengan meluas dalam ternakan di kebanyakan negara seperti Korea Selatan dan Indonesia,

penternak memilih bahan makanan terbaik untuk ayam peliharaan itu. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh penuntut tahun akhir kursus Teknologi Bioproses, PPTI dengan dibantu oleh rakan kolaborasi Teroka Jaya Farm, Balik Pulau, 3M Malaysia Sdn Bhd, Premier Diagnostics Sdn Bhd Malaysia dan ProBionic Corporation (Korea Selatan) yang telah menaja probiotik (bakteria baik) dalam makanan ayam, supaya menghasilkan ayam lebih sihat untuk kegunaan manusia.



“ Kajian tersebut dijalankan untuk tempoh 42 hari dengan mengambil 60 ekor ayam sebagai sampel di ladang Teroka Jaya, Balik Pulau, di sini.” - Dr Liong Min-Tze



Penggunaan probiotik mampu menghasilkan ayam yang segar dan sihat.

Kajian penyelidikan yang diterima ramai ini menjadi kebanggaan USM.